

# Metamorfosis

*Ubi Panis, Ibi Patria-  
Di mana Ada Roti, Di sanalah Negara ku*

# Metamorfosis

*Ubi Panis, Ibi Patria-  
Di mana Ada Roti, Di sanalah Negara ku*

KU HASNAN KU HALIM

  
Penerbit  
**UTHM**  
2013

© Penerbit UTHM  
Cetakan Pertama 2013  
Cetakan Kedua 2018

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pejabat Penerbit, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Ku Hasnan Ku Halim

Metamorfosis / Ku Hasnan Ku Halim.

Mengandungi Indeks

Bibliografi: ms. 159

ISBN 978-967-0468-32-7

1. Malaysia—Politics and government. 2. Malaysia—Socials policy.

3. Malaysia—Social conditions. I. Judul.

899.2333

Diterbitkan oleh:

Penerbit UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja,

Batu Pahat, Johor

No. Tel: 07-453 8529 / 8698

No. Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>

E-mel: [pt@uthm.edu.my](mailto:pt@uthm.edu.my)

Penerbit UTHM adalah anggota

Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia

( MAPIM)

Dicetak oleh:

PERCETAKAN MUAFAKAT JAYA SDN. BHD.

No.6 Jalan Perdagangan 16,

Taman Universiti Industrial Park,

81300 Skudai, Johor Bahru.

## KANDUNGAN

|  |            |
|--|------------|
| <i>Penghargaan</i>   | <i>vii</i> |
| <i>Prakata</i>   | <i>ix</i>  |
| <i>Singkatan</i>   | <i>xi</i>  |
| Metamorfosis: Evolusi Negara dari Etnik kepada Sivik                           | 1          |
| Metamorfosis: Persoalan Etnisiti di dalam Pemersatuan dan Memersatukan Bangsa  | 39         |
| Metamorfosis: Pembentukan Sesebuah Negara dan Bangsa-Sisi Kanta Barat          | 65         |
| Metamorfosis: Penciptaan Semula Bangsa: Bangsa Malaysia Satu Komuniti Bayangan | 99         |
| Metamorfosis dan Pengukuhan Status Quo: Gagasan 1 Malaysia-Payung Anak Watan   | 129        |
| Metamorfosis: Agama, Warganegara dan Negara.                                   | 145        |
| <i>Bibliografi</i>   | <i>159</i> |
| <i>Indeks</i>  | <i>169</i> |

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan taufik hidayah-Nya. Buku kecil ini mengetengahkan Isu-isu yang mampu diangkat untuk perbincangan serta difikirkan bersama dan ianya juga merupakan topik-topik semasa yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum yang peka, patriotik prihatin, menyintai serta kasih kepada Negara Malaysia. Sebagai penulis, dengan rasa rendah hati dan rasa kasih, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak khususnya Isteri Nurhaliza Abdullah dan anak-anak permata hati, Abah dan Emak di atas sokongan dan kerjasama samaada secara langsung ataupun tidak langsung sehinggalah buku kecil ini mampu untuk diterbitkan dan akhirnya sampai kepada khalayak pembaca.

Tidak dilupai juga para kakitangan Pejabat Penerbit UTHM khasnya Puan Aida Maryani Abd Wahab yang ternyata begitu komited, peka dan prihatin di dalam usaha memberikan tunjuk ajar kepada penulis dalam soal pengurusan dan pengolahan penghasilan buku kecil ini .

Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan diterima oleh Allah SWT sebagai amal jariah. Sekian.

Ku Hasnan bin Haji Ku Halim

## PRAKATA



Assalamualaikum dan salam Gagasan 1 Malaysia berpaksikan kepada Perlembagaan dan Rukun Negara Malaysia.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan taufik hidayah-Nya, buku kecil ini akhirnya mampu diterbitkan dengan jayanya. Buku kecil ini juga dikemaskinikan dengan berdasarkan kepada pengamatan, pengalaman penulis terhadap perkembangan muktahir bangsa dan Negara Malaysia yang telahpun mengecap nikmat puluhan tahun usia Kemerdekaannya sebagai sebuah tanahair yang berdaulat dan bimaruah. Kesepaduan sosial, penguatkuasaan integrasi solidariti nasional yang terhasil daripada kecerdikan kepimpinannya, kematangan warganya melalui pendudukan keamanan, kesejahteraan, penerimaan realiti sosial, pentakrifan realiti harian di mana kepelbagaian rencam itu sebagai satu kekuatan, kesepaduan nyata dan harus berlapang dada rela-reda dengannya.

Sesungguhnya kecintaan kepada negara itu bukan hanya setakat ungkapan di bibir semata-mata atau hanya bersifat Etno Simbiolis dengan cara kaedah menghormati simbol-simbol negara iaitu pemimpin, lagu, lambang, bendera seperti mana seringkali dilakukan. Ianya lebih daripada itu, kecintaan kepada negara boleh diperlihatkan dengan pelbagai cara. Apa-apa sahaja yang kita lakukan demi untuk negara boleh sahaja dianggap sebagai patriotisme. Isu patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Seseorang itu dianggap patriot apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada Negara.

Buku *Metamorfosis* ditulis bertujuan untuk mengetengahkan Isu-isu yang merupakan topik-topik masa kini yang relevan untuk dijadikan bahan bacaan dan rujukan pelajar serta masyarakat umum pelbagai peringkat yang menyintai dan kasih kepada Negara Malaysia.

Sebagai penulis, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak di atas sokongan dan kerjasama sama ada secara langsung ataupun tidak, sehingga buku ini mampu untuk diterbitkan dan mampu dimiliki oleh para pembaca.

Akhir kata, diharapkan buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan diterima oleh Allah SWT sebagai amal jariah. Sekian.

Jika berfikir, jangan termenung  
Mencari idea, kerja berkat  
Bulat air, kerana pembedung  
Bulat manusia, kerana muafakat

Tegak rumah, kerana sendi  
Runtuh sendi, rumah binasa  
Tegak bangsa, kerana budi  
Runtuh budi, bangsa binasa

\*Semua rencana yang dituliskan di dalam buku ini adalah merupakan pandangan peribadi penulis semata-mata dan tidak mewakili mana-mana pihak.

Ku Hasnan bin Ku Halim